

31 JUL 1999

PIALA AGONG: GELARAN MILIK PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Pulau Pinang muncul juara kejohanan bola sepak Piala Agong apabila menewaskan Angkatan Tentera 4-3 pada perlawanan akhir di Stadium Merdeka di sini malam ini.

Mohd Azli Fasha menjadi wira pasukan Pulau Pinang apabila menjaringkan gol kemenangan pada minit ke-28 masa tambahan. Perlawanan berlarutan hingga ke masa tambahan setelah kedua-dua pasukan terikat dengan kedudukan 3-3.

Meskipun perlawanan agak hambar tetapi ATM lebih dulu membuka jaringan pada minit ke-25 melalui Mohd Zahid Hashim diikuti Mohd Rasdi Tahir pada minit ke-59 dan 70.

Gol Pulau Pinang dijaringkan oleh Hasnizal Hashim pada minit ke-44, Zamri Zaidi pada minit ke-74 dan S. Nanthakumar pada minit ke-80 menerusi sepakan penalti.

Kedudukan itu memaksa perlawanan berlarutan sehingga ke masa tambahan yang dipergunakan sepenuhnya oleh Pulau Pinang yang turut menjurai kejohanan berkenaan tahun lalu.

ANGKATAN TENTERA: Zulhisham Othman, Nazsli Abu Bakar, Ya'akob Aris, Zulkifli Lazim, Mohd. Zin Roslan (S. Gandaroo), Mohd. Fadil Amon, Hassan Sazali Mohd Waras, Mohd Zahid Hashim (Azmi Mohd Ajin), Saifullizam Hashim (Rosli Dollah), Mohd Rosdi Tahir, S. Ragu

PULAU PINANG: Jerry Arokiasamy, Chiu Chun Yong, R. Thanasegar, Razak Din, S. Nanthakumar, Zailani Jaafar, Mahathir Mohamed (Shamsul Mohd Rashid), Mohd Azli Fasha, Azri Phin (Hasrinizam Hashim), Hasnizal Hashim, Zulkalnain Shamsi Che Ghani (Zamri Zaidi).

-- BERNAMA

AHA FAZ